

21/08/2000

Penyertaan dalam skim cepat kaya bukti Melayu mampu

GEORGETOWN, Ahad - Keupayaan kewangan masyarakat Melayu yang lebih kukuh berdasarkan pembabitan dalam pelbagai skim cepat kaya, boleh digabungkan untuk meningkatkan penyertaan Melayu dalam bidang keusahawanan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata sikap orang Melayu yang gemar menyertai skim cepat kaya menunjukkan keupayaan kewangan mereka jauh baik daripada tanggapan umum.

Beliau berkata, bagaimanapun, pada dasarnya tidak ada jalan pintas untuk menjadi kaya.

"Jika mahu kaya, sedikit sebanyak anda perlu berusaha dan membuat pengorbanan yang sewajarnya," katanya ketika berucap merasmikan Karnival Jubli Emas Umno Cawangan Jalan Hatin, di Padang Kota Lama, Pulau Pinang, semalam.

Katanya, masyarakat Melayu terutama di Pulau Pinang, digalakkan menyokong usaha kerajaan melipatgandakan jumlah usahawan Bumiputra.

Sehubungan itu, Muhyiddin berkata, satu Konvensyen Bumiputera Dalam Industri Pengedaran akan diadakan bulan depan, untuk membincangkan pelbagai aspek bidang itu.

Katanya, program itu yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedikit masa dulu, memberi peluang kepada peniaga Bumiputera yang menghadapi masalah modal dan lokasi perniagaan sesuai.

(END)